

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash





WANITA BEKERJAYA Kerjaya vs PdPR

¹Nur Shafini Mohd Said, ¹Siti Rapidah Omar Ali, ¹Suhaily Maizan Abdul Manaf,

¹Nur Dalila Adenan & ²Wan Mardiana Wan Musa

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

²Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Situasi Pandemik Covid19 telah menular ke seluruh Malaysia dari penghujung tahun 2019. Namun, ianya masih belum menampakkan tanda-tanda akan berakhir dalam masa terdekat. Antara golongan paling terjejas ekoran situasi pandemik ini ialah kaum wanita yang bekerja. Ini kerana kaum wanita bekerja amat memainkan peranan penting dalam masa yang sama sebagai ibu, pekerja, surirumah serta guru di kediaman masing-masing. Situasi ini turut menjadikan tekanan kepada wanita bekerja memandangkan mereka masih mempunyai anak-anak kecil yang masih bersekolah tadika dan sekolah rendah yang sememangnya memerlukan perhatian dan bimbingan sepenuhnya daripada ibu bapa masing-masing. Situasi seperti ini merupakan sebahagian norma baharu yang harus dilalui oleh mereka sebagai usaha menyokong Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam terus membangunkan anak bangsa.

Susulan itu, cabaran ini terpaksa diharungi sehingga ianya turut memberi kesan terhadap kesihatan mental emosi mereka dalam meneruskan kehidupan seharian. Oleh itu, berikut merupakan perkara yang perlu dilakukan bagi menghadapi situasi ini:

1. Kaum wanita bekerja perlu sedar bahawa mereka bukan 'superwoman' yang mampu menggalas segala tanggungjawab mereka.
2. Kaum wanita perlu sedar bahawa setiap perkara yang kita lakukan ada hadnya. Kaum wanita perlu mendapatkan bantuan dan pertolongan untuk sesuatu perkara di luar kemampuan mereka.
3. Kaum wanita perlu bersikap lebih terbuka dengan berkongsi pendapat atau luahan perasaan dengan insan yang dipercayai atau rapat.
4. Pada masa yang sama juga, orang di sekeliling perlu sedar dan cuba untuk fahami atau menyelami perasaan wanita yang diuji dengan gangguan kesihatan mental.
5. Sokongan emosi di antara suami isteri juga penting dalam menangani situasi ini seperti mengadakan perbincangan sesama sendiri tentang

- pembahagian masa. Dengan itu, suami isteri yang bekerja boleh merancang perjalanan aktiviti PdPR anak-anak.
6. Ibu bapa perlu berkomunikasi dengan pihak sekolah berkaitan masalah yang timbul berkaitan PdPR. Guru kelas atau guru mata pelajaran merupakan perantara sekolah dan ibu bapa di dalam menyampaikan informasi dan ilmu kepada anak-anak agar mereka tidak ketinggalan membuat tugas yang diberikan melalui platform atas talian.

Wanita bekerjaya perlu membiasakan diri dengan kehidupan norma baharu pada masa kini. Ianya bukan sahaja dalam alam pekerjaan malah dalam sistem pendidikan. Ini kerana adalah penting untuk mereka agar dapat mengimbangi tanggungjawab yang digalas sebagai seorang ibu, isteri dan pekerja. Oleh itu, semua pihak perlulah cakna dan memberikan sepenuh kerjasama supaya segala konflik keseimbangan antara kerja dan kehidupan seharian dapat diatasi segera.



Photo by Alexander Dummer on Unsplash




Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash